




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 512 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 25,441 kes. Hari ini tiga (3) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) di Daerah Tawau dan satu (1) di Daerah Kota Kinabalu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 300 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala, seramai 2,268 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 641 orang di hospital dan 1,627 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 70 orang dan 16 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah direkodkan pada hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Tawau iaitu:
  - (i) Kluster Kasir mencatatkan sebanyak 8 kes.
- 5 Daripada 512 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 194 kes (37.89%) adalah berpunca dari Kluster Sabaru di Lahad Datu. Manakala, selebihnya iaitu 318 kes berpunca dari lain-lain kategori seperti saringan kontak rapat, saringan bergejala dan saringan komuniti.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 990 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 5,488 katil menjadikan jumlah keseluruhan 6,478 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 35.01%.

**B. SEKATAN KEMASUKAN KE NEGERI SABAH BAGI PEMEGANG PAS LAWATAN JANGKA PANJANG DARIPADA NEGARA-NEGARA BERISIKO TINGGI TERHADAP COVID-19**

- 1 Kerajaan Negeri pada hari ini memutuskan untuk **MEMANSUHKAN Kenyataan Media YAB Ketua Menteri Sabah bertarikh 4 September 2020** berkenaan sekatan Pas Lawatan Jangka Panjang bagi tiga (3) warganegara iaitu **India, Indonesia** serta **Filipina** dan menerima pakai ketetapan Kerajaan Persekutuan mengenai Sekatan Kemasukan ke Malaysia kepada pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang bagi negara-negara berisiko tinggi terhadap COVID-19 melalui surat Ketua Pengarah Imigresen Malaysia bertarikh 4 September 2020.
- 2 Senarai terkini negara-negara yang **DISEKAT KEMASUKAN** bagi pemegang Pas Lawatan Jangka Panjang adalah:
  - i. Amerika Syarikat
  - ii. Brazil
  - iii. India
  - iv. Rusia
  - v. Peru
  - vi. Colombia
  - vii. Afrika Selatan
  - viii. Mexico
  - ix. Sepanyol
  - x. Argentina
  - xi. Chile
  - xii. Iran
  - xiii. United Kingdom
  - xiv. Bangladesh
  - xv. Arab Saudi
  - xvi. Pakistan
  - xvii. Perancis
  - xviii. Turki
  - xix. Itali
  - xx. Jerman
  - xxi. Iraq
  - xxii. Filipina
  - xxiii. Indonesia

- 3 Senarai Pas Lawatan Jangka Panjang bagi warganegara yang dinyatakan yang **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke negeri Sabah adalah:
- i. Pemastautin Tetap (PR)
  - ii. Pas Program Malaysia *My Second Home* (MM2H)
  - iii. Semua Ekspatriat – Pas Penggajian (Kategori I, II dan III), Pas Lawatan Ikhtisas dan Pas Tanggungan
  - iv. Pas Suami/ Isteri kepada warganegara
  - v. Pas Pelajar
  - vi. Pas Lawatan Kerja Sementara
- 4 Sekatan ini juga **TURUT MELIBATKAN** warganegara asing lain yang bermastautin atau mempunyai Pas Lawatan Jangka Panjang di negara-negara yang dinyatakan pada Para 2. Kelulusan masuk yang telah diberikan kepada warganegara terlibat juga tidak terpakai sepanjang tempoh sekatan.
- 5 Akan tetapi, senarai Pas Lawatan Jangka Panjang di Para 3 dan 4 adalah **DIBENARKAN** masuk ke negeri Sabah setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah Imigresen Malaysia dan tertakluk kepada panduan kemasukan ke negeri Sabah seperti di **LAMPIRAN A**.
- 6 Walau bagaimanapun, **PENGECUALIAN** sekatan kemasukan kepada 23 warganegara yang dinyatakan di Para 2 adalah diberikan bagi kategori berikut:
- i. Diplomat yang layak di bawah Perintah Pengecualian (*Exemption Order*) dan tanggungan. Bagi diplomat atau staf kedutaan yang belum mempunyai pas / kemasukan kali pertama, mereka perlu mendapatkan kelulusan masuk dari Ketua Pengarah Imigresen terlebih dahulu.
  - ii. Anak Kapal yang masuk bagi menjalankan aktiviti *sign-on* atau *joint ship* dan *sign-off*.
  - iii. Kru dan Pekerja Profesional di dalam industri petroliaam (*oil and gas*) yang telah mempunyai pas dan diberi kelulusan masuk oleh Kerajaan Negeri.
- 7 Sehubungan dengan itu, **semua kemasukan ke negeri Sabah adalah tertakluk kepada arahan-arahan sekatan kemasukan ke negeri Sabah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa**. Panduan kebenaran masuk ke negeri Sabah dari Semenanjung Malaysia, Sarawak dan WP Labuan berkuat kuasa 3 Oktober 2020 hingga 6 Disember 2020 adalah seperti di dalam **LAMPIRAN A**.

**C. PENAMATAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI ANJUNG TEDUH FELDA SAHABAT, LAHAD DATU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan PKPD di Anjung Teduh Felda Sahabat, Lahad Datu, Sabah bermula pada 24 Oktober sehingga 6 November 2020 yang kemudiannya dilanjutkan lagi sehingga 20 November 2020 (hari ini).
- 2 KKM telah melaksanakan sebanyak 3,743 saringan dan sebanyak 89 kes positif COVID-19 telah direkodkan di lokaliti ini.
- 3 Atas nasihat dan penilaian risiko oleh KKM, sidang khas MKN hari ini bersetuju menamatkan PKPD di Anjung Teduh Felda Sahabat, Lahad Datu pada hari ini, 20 November 2020 seperti yang dijadualkan.
- 4 Walau bagaimanapun, kesemua penduduk di lokaliti ini masih tertakluk kepada SOP PKPB yang dilaksanakan di seluruh negeri Sabah.

**D. PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI K-AVENUE, MEGACITY, PENAMPANG**

- 1 Sidang khas MKN hari ini mendengar pembentangan daripada MKN Sabah mengenai peningkatan kes positif COVID-19 di K-Avenue, Megacity, Penampang, Sabah.
2. Sehingga 16 November 2020, sebanyak 110 kes positif COVID-19 telah direkodkan di lokaliti ini.
3. Atas nasihat dan penilaian risiko yang dilaksanakan KKM, sidang khas MKN hari ini bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di K-Avenue, Megacity, Penampang, Sabah bermula 22 November 2020 sehingga 5 Disember 2020.
4. Pelaksanaan PKPD ini akan merangkumi pejabat, kuarters pekerja dan tapak pembinaan yang melibatkan sebanyak 400 orang penduduk.
5. SOP PKPD di Sabah adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini antaranya:
  - i. Pergerakan keluar masuk dari kawasan PKPD adalah tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes kecemasan dengan kebenaran daripada PDRM.
  - ii. Bekalan makanan kepada yang memerlukan akan diagih dan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah.
  - iii. Seorang wakil dari setiap rumah turut dibenarkan keluar dari kawasan PKPD dengan kebenaran PDRM khusus untuk mengeluarkan wang dari mesin ATM / bank dan membeli keperluan asas dan non-food items.

#### **E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

- 1 Sehingga hari ini, sebanyak **197,839** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

#### **F. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 97.63%. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Kinabalu	99%
2	Kinabatangan	99%
3	Sipitang	99%
4	Kudat	98.5%
5	Kunak	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Penampang	98%
8	Papar	98%
9	Kota Marudu	98%
10	Beluran	98%
11	Sandakan	98%
12	Tuaran	97%
13	Keningau	97%
14	Tenom	97%
15	Tawau	97%
16	Lahad Datu	97%
17	Ranau	96%
18	Kota Belud	96%
19	Semporna	95%

#### **G. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 73 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 48,159 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 36 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 18 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 90 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 55 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 16 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di lapan (8) premis di lima (5) buah daerah iaitu Tawau, Kota Kinabalu, Kota Belud, Semporna dan Lahad Datu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 102 lokasi di 16 buah daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Mandarin, Bahasa Kadazan dan Bahasa Bajau.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
20 November 2020**